

**FALCO SERANI**  
Common Kestrel

FAMILI: Falconidae  
NAMA SAINTIFIK: *Falco tinnunculus*

#### **CIRI-CIRI**

Individu jantan dewasa sub-spesies *F.t.interstinctus* bersaiz sederhana, mempunyai bahagian atas kepala, bahu dan belakang badan sehingga atas ekor kelabu, jalur sub-terminal ekor hitam dan bahagian atas badan kemerahan. Terdapat tanda-tanda hitam pada bulu pahat sayap. Terdapat jalur hitam pada pipi dan bintik-bintik gelap pada dada, perut dan tepi badan. Kukunya berwarna kehitaman. Semasa terbang, bahagian bawah sayap berwarna putih dengan tanda gelap. Warna bulu individu betina pula kurang kelabu, atas kepala dan bahu coklat dengan jalur gelap. Terdapat jalur gelap pada belakang mata dan jalur gelap yang panjang pada mata hingga leher. Ekor atas berwarna kemerahan dengan jalur kehitaman halus dan jalur sub-terminal lebar. Warna kemerahan pada atas badan adalah lebih pudar berbanding jantan. Individu juvenil seperti individu betina dewasa tetapi bahagian atas badan, bulu pahat sayap bulu ekor dan bulu penerbangan lebih bertanda manakala atas ekor coklat kekelabuan. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 30-34 sm.

#### **MAKANAN**

Dietnya terdiri daripada burung, serangga, mamalia kecil dan reptilia.

#### **HABITAT**

Spesies ini menghuni pelbagai yang terbuka, kawasan pertanian, kawasan bandar dan cerun sehingga ke ketinggian 2,000 m dari aras laut.

#### **BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi *keee-keee-keee...* yang nyaring.

#### **STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.